



TENGGU Amir Shah mengangkat sumpah gelaran sebagai Raja Muda Selangor di Balairong Seri, Istana Alam Shah.

metro Ahad  
9/10/16  
ms 2-3

# KELUAR SELANGOR 7 HARI

■ Tengku Amir Shah dimasyhurkan sebagai Raja Muda Selangor di Istana Alam Shah

Siraj Mohd Zaini  
siraj@hmetro.com.my

## Klang

**T**engku Amir Shah dimasyhurkan sebagai Raja Muda Selangor dalam Istiadat Pemasyhuran Gelaran dan Mengangkat Sumpah serta Menjunjung Duli di Istana Alam Shah, di sini, semalam.

Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah diiringi Tengku Permaisuri




>> Tengku Amir Shah mendapat pendidikan awal dan menengah di Alice Smith School, Kuala Lumpur

UNITI RUMAH DAN DOKUMENTASI  
DITERIMA  
09 OCT 2016  
U.R.D  
M.B.P.J.

setempat

3

METRO AHAD



Selangor Tengku Permaisuri Norashikin berkenan menyempurnakan istiadat berkenaan dengan mengurniakan Keris Kebesaran Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor kepada Tengku Amir Shah.

Sebelum itu, Tengku Amir Shah mengangkat sumpah sebagai Raja Muda Selangor dan menandatangani Lafaz Akuan Sumpah Gelaran.

Tengku Amir Shah kemudian berangkat meninggalkan Istana Alam Shah untuk keluar dari Selangor selama tujuh hari seperti amalan yang ditetapkan sebelum kembali semula pada 15 Oktober ini bagi menyempurnakan Istiadat Menghadap dan Menjunjung Duli.

Keberangkatan keluar baginda Sultan dan Tengku Permaisuri Selangor dari Balairong Seri, Istana Alam Shah turut diiringi dengan sembilan das tembakan meriam sebagai simbol pengumuman kepada sembilan daerah negeri ini.

Antara pemimpin yang hadir bagi istiadat berkenaan, ialah Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Hussein dan isteri; Menteri

Besar Selangor Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan isteri; Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar; Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin serta tetamu kenamaan lain.

Tengku Amir Shah diputerakan pada 12 Disember 1990 di San Francisco, Amerika Syarikat hasil perkahwinan Sultan Sharafuddin Idris Shah dengan Puan Nur Lisa Idris.

Baginda turut mempunyai dua kekanda iaitu Tengku Zerafina dan Tengku Zatashah.

Tengku Amir Shah mendapat pendidikan awal dan menengah di Alice Smith School, Kuala Lumpur sebelum melanjutkan pendidikan di Wellington College, United Kingdom pada 2004 hingga selesai peringkat A Level pada 2009.

Baginda kemudian melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekologi dan Biologi Alam Sekitar di Universiti Leeds, United Kingdom (UK).

Selepas tamat pendidikan, Tengku Amir Shah menjalani kursus persediaan ketenteraan di Akademi Tentera Darat (ATD) di Port

Dickson, Negeri Sembilan sebelum mendaftar diri di Akademi Ketenteraan Diraja Sandhurst, UK dan menamatkan latihan dengan cemerlang pada 15 April lalu.

Baginda kini adalah pegawai tentera berpangkat Leftenan Muda di Batalion ke-17, Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), yang ditauliahkan kepada baginda pada 19 Julai lalu.



SULTAN Sharafuddin bersama Tengku Permaisuri Norashikin mengaminkan doa selepas selesai Istiadat Pemasyhuran Gelaran dan Mengangkat Sumpah di Balairong Seri Istana Alam Shah.